

CNS5539

U GB 14-08 00170 BA645

bah

PENURUNAN CAJ PELABUHAN DIKAJI

Mahathir - Pelabuhan

ALOR SETAK, 14 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengurangkan caj pelabuhan sekiranya langkah itu dapat membangunkan industri dengan lebih berkesan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedia menimbangkan perkara itu sekiranya pengurangan caj pelabuhan memberi faedah kepada negara walaupun keuntungan pelabuhan akan berkurangan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa diminta mengulas saranan Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd, Tan Sri Eric Chia dalam taklimatnya kepada Perdana Menteri terdahulu itu, yang meminta kerajaan menyurangkan caj pelabuhan.

Chia menyampaikan taklimat itu sempena lautan Dr Mahathir ke kilang menggulung besi Perwaja Steel Sdn Bhd di Gurun dekat sini.

Dalam taklimatnya, Chia berkata, kos bagi mengangkut bilet besi dari Kemaman, Terengganu, ke sini dengan menggunakan lori ialah kira-kira \$67 satu tan berbanding dengan kira-kira \$120 satu tan menggunakan kapal. Ini disebabkan caj pelabuhan yang dikenakan agak tinggi, iaitu antara \$7 dan \$8 satu tan. -- Lagi

♥14/08/J.5-35MST

CNS5540

U GB14-08 001.34 BA646

bah

Mahathir - Pelabuhan 2 Alor Setar

Mengenai projek itu, Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati kerana ia dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Katanya, cadangan untuk membina kilang besi itu timbul dalam masa dua tahun lepas sahaja dan kerja-kerja pembinaan yang bermula pada hujung tahun lepas telah hampir siap menjelang pertengahan tahun ini. Xilan'g itu dijangka memulakan operasinya Januari tahun depan.

+Jadi ini boleh dikatakan satu rekod. Bangunan pejabat pun siap dalam masa 35 hari, katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau percaya kilang besi itu akan menjadi nukleus kepada industri berat lain yang akan menggunakan bahan mentah yang dikeluarkan oleh kilang itu.

Beliau berkata kilang itu mempunyai potensi untuk berkembang dan menarik industri berat lain ke sini, antaranya ialah perusahaan petro-kimia. -- Lagi

♥14/08/15-36MST

CNS5542  
U GB 14-08 00123 BA647  
bah

Mahathir - Pelabuhan 3 Alor Setar

· Beliau berkata, xalaupun Gurun akan menjadi pusat industri berat tetapi kegiatan industri di situ dijangka lebih bertumpu kepada industri hiliran.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, Perwaja juga bercadang untuk mengadakan sebuah institut kajian logam bagi meningkatkan lagi kefahaman orang ramai mengenai penggunaan logam.

Mengenai kebimbangan penduduk sekitar kawasan kilang itu mengenai kemungkinan pencemaran alam sekitar, beliau berkata:

+Kalaupun kita hendak negara kita menjadi kaya, kita terpaksa mengalami sedikit sebanyak pencemaran tetapi kita akan mengurangkan pencemaran seberapa yang boleh. +

Beliau berkata, rakyat mesti menerima hakikat bahawa Malaysia masih lagi sebuah negara miskin dan inereka mestilah memilih antara pembangunan negara atau mengekalkan caralama. -- Lagi

♥14/08/15-37MST

---

CNS5543  
U GB 14-08 00086 BA648  
bah

Mahathir - Pelabuhan 4 (Akhir) Alor Setar

+Kalaupun kita kekal dengan caralama menanam padi dan menoreh getah, kita tak akan dapat pendapatan yang banyak.

+Saya fikir penduduk di sini pun biasa dengan udara yang tidak begitu nyaman, umpamanya kilang getah mengeluarkan bau yang amat busuk tetapi tidak ada sesiapa pun mengadu, + katanya.

Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff ialah antara yang mengiringi Dr Mahathir sempena lawatannya selama kira-kira dua jam itu. -- Bernama

♥14/08/15-37MST